



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**SELANGKAH KE ALAM KUBUR**

**Tarikh Dibaca:**

**27 JAMADILAKHIR 1444H/  
20 JANUARI 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إدارة كمالو اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## SELANGKAH KE ALAM KUBUR

20 JANUARI 2023 / 27 JAMADILAKHIR 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ  
فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ  
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

<sup>1</sup> Surah ali Imraan ayat 185

**Maksudnya:** *“Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”.* (Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam khutbah kali ini, khatib ingin mengajak saudara sekalian untuk merenungi peringatan Allah SWT dan peringatan dari Rasulullah SAW melalui khutbah yang bertajuk: **“Selangkah Ke Alam Kubur”**.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Marilah kita sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT dan bermunajat kepada-Nya memohon petunjuk, pertolongan dan perlindungan. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang dikasihi dan diberkati.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Allah SWT telah memberi peringatan yang jelas bahawa tiap-tiap hamba-Nya akan mati. Kematian merupakan sebuah hakikat yang amat menakutkan. Ia merupakan ketetapan Allah SWT yang tidak dapat ditahan, dielak atau dihalang oleh sesiapa pun. Maka dengan sebab itu, kita hendaklah sentiasa bersedia dan mempersiapkan diri dengan bekalan yang secukupnya bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan di hari akhirat kelak.

Kehidupan di alam kubur akan dirasai oleh semua insan sementara menunggu hari pengadilan dan hari pembalasan. Alam kubur bukanlah tempat berehat yang hakiki tetapi ia sebagai tempat persinggahan pertama sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلَ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ، فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ، وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَمَا

بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya kubur adalah persinggahan pertama dari kehidupan akhirat, jika seseorang selamat darinya, maka (kehidupan) setelahnya akan lebih mudah. Dan jika seseorang tidak selamat darinya, maka (kehidupan) setelahnya akan lebih dahsyat”.* (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Banyak dalil yang menjelaskan keadaan kubur sama ada ia dilimpahi nikmat ataupun dihurung azab. Dalam al-Quran, terdapat banyak isyarat yang menunjukkan adanya azab kubur. Antaranya firman Allah SWT yang menceritakan tentang azab yang diterima oleh Fir'aun dan kaumnya:

فَوَقَدَهُ اللَّهُ سَيِّئَاتٍ مَّا مَكْرُوهًا وَحَاقَ بِآلِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ ﴿٤٥﴾ النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا

وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

**Maksudnya:** *“(Dengan keikhlasannya dan penyerahan dirinya kepada Allah) maka ia (Nabi Musa) diselamatkan oleh Allah dari angkara tipu daya mereka; dan Firaun bersama-sama kaumnya ditimpa azab seksa yang seburuk-buruknya, Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh); dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): “Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya!””.* (Surah Ghafir ayat 45-46)

Dari alam dunia ini nanti kita akan melangkah ke alam kubur yang sangat menakutkan. Bayangkan sejenak, ketika kita dimandikan, dikafan dan disolatkan. Seterusnya kita dihantar ke perkuburan. Akhirnya kita ditinggalkan bersendirian dalam lahad yang sempit dan gelap. Ibu bapa, pasangan, anak-anak dan sahabat handai pulang meninggalkan kita sendirian. Tiada peneman melainkan amal yang dilakukan di atas dunia dan doa dari anak yang soleh. Tubuh akan dimakan ulat dan mereput hancur dari sehari ke sehari. Disebut juga dalam hadis bahawa setiap mayat yang diletakkan di dalam kubur, tidak ada seorang pun yang dapat selamat dari himpitannya termasuklah anak kecil. Diceritakan bahawa Saidina Uthman RA jika berhenti di sesuatu kubur, beliau akan menangis dengan bersangatan hingga basah janggutnya mengenangkan peringatan dari Rasulullah SAW tentang alam kubur yang menakutkan itu.

### **SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Ada banyak perbuatan dosa yang menyebabkan seseorang itu disiksa di dalam kubur. Antaranya ialah tidak mendirikan solat, orang yang suka berdusta, penzina, pemakan riba,

tidak menutup aurat, orang yang suka melaga-lagakan orang lain (*al-namimah*), juga termasuk orang yang tidak menjaga kebersihan selepas membuang air. Di dalam kubur juga nanti akan adanya pertanyaan dari Malaikat yang ditugaskan oleh Allah SWT sama ada kepada orang mukmin mahupun orang kafir. Semuanya akan disoal.

Diceritakan dalam sebuah hadis sahih riwayat Imam Ahmad, dari sahabat al-Barra bin 'Azib bahawa Rasulullah SAW bersabda menceritakan perihal soal jawab di dalam kubur oleh malaikat. Bagi mukmin yang dapat menjawab segala soalan, akan berserulah satu suara dari langit, "Hamba-Ku telah (berkata) benar, berilah dia hamparan dari syurga, (dan berilah dia pakaian dari syurga), bukannya sebuah pintu untuknya ke syurga". Maka datanglah kepadanya bau dan wangi syurga. Diluaskan baginya di dalam kuburnya sejauh mata memandang. Dan datanglah seorang lelaki berwajah tampan kepadanya, berpakaian bagus, berbau harum, lalu mengatakan, "Bergembiralah dengan apa yang menyenangkanmu, inilah harimu yang engkau telah dijanjikan (kebaikan)". Maka ruh orang Mukmin itu bertanya kepadanya, "Siapakah engkau? Wajahmu adalah wajah yang membawa kebaikan?" Dia menjawab, "Aku adalah amalmu yang soleh". Maka ruh itu berkata, "Tuhanku, laksanakanlah hari kiamat, sehingga aku akan kembali kepada isteriku dan hartaku".

Bagi keadaan orang kafir pula, Rasulullah SAW menyatakan bahawa mereka turut ditanya dengan soalan yang sama namun mereka gagal menjawabnya. Lalu penyeru dari langit berseru, "Hamba-Ku telah (berkata) dusta, berilah dia hamparan dari neraka, dan bukannya sebuah pintu untuknya ke neraka". Maka panas neraka dan asapnya mendatangnya dan kuburnya disempitkan, sehingga tulang-tulang rusuknya berhimpitan. Datanglah seorang lelaki berwajah buruk kepadanya, berpakaian buruk, berbau busuk, lalu mengatakan, "Terimalah khabar yang menyusahkanmu! Inilah harimu yang telah dijanjikan (keburukan) kepadamu". Maka ruh orang kafir itu bertanya kepadanya, "Siapakah engkau, wajahmu adalah wajah yang membawa keburukan?" Dia menjawab, "Aku adalah amalmu yang buruk". Maka ruh itu berkata, "Tuhanku! Janganlah Engkau laksanakan hari kiamat"<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Hadis sahih riwayat Imam Ahmad rahimahullah dari sahabat al-Barra bin 'Azib RA.

## SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini. Khatib ingin mengajak saudaraku sekalian untuk berusaha menyelamatkan diri dari fitnah dan azab kubur. Persiapkanlah diri sebelum menghadapi kematian yang datang secara tiba-tiba. Antara persiapan menghadapi kedahsyatan mati dan alam kubur itu ialah segera bertaubat, melaksanakan kewajipan syariat, memperbanyakkan amal soleh, memperbaiki akidah, berbuat baik pada ibu bapa, memelihara silaturrahim, dan amal-amal soleh yang lain. Semoga dengan amalan-amalan tersebut Allah SWT menyelamatkan kita dari fitnah dan azab kubur yang dahsyat. *Insyallah*. Ingatlah bahawa kita semua hanya selangkah ke alam kubur. Maka yakinkah kita dengan bekalan amal yang menjamin keselamatan kita di alam kubur yang dahsyat itu? Dan bersediakah kita dengan azab dan seksa-Nya yang mengerikan?

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah Yasiin ayat 11:

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ فَبَشِّرْهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ﴿١١﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya peringatan dan amaran (yang berkesan dan mendatangkan faedah) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran al-Quran serta dia takut (melanggar perintah Allah) Ar-Rahman semasa dia tidak dilihat orang dan semasa dia tidak melihat azab Tuhan. Oleh itu berilah kepadanya berita yang mengembirakan dengan keampunan dan pahala yang mulia”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
 وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكِنَا كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهٗ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قِرْمَالَيْسُورِي اِكُوغْ، تُونُوكُو حَاجِهٖ عَزِيزَهٗ أَمِينَهٗ مِيمُونَهٗ إِسْكَندَرِيَهٗ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk



menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.